

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1991/92

Oktober/November 1991

SBP311 - Perancangan Projek Pembangunan

Masa : [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **TIGA** daripada enam soalan-soalan berikut. Setiap soalan mengandungi markah yang sama. Tulisan **KABUR** dikenakan potongan markah.

1. Bincangkan rasional analisis kos faedah sosial sebagai satu kaedah penilaian projek-projek pembangunan.

[100 markah]

2. (a) Beri definisi kriteria-kriteria penilaian berikut:

- i. Tempoh Bayar Balik
- ii. Kadar Pulangan Dalam
- iii. Nilai Kini Bersih

- (b) Dengan ringkas bincang secara bandingan kebaikan dan keburukan kaedah-kaedah tersebut.

[100 markah]

3. (a) Apa erti kadar diskaun sosial? Definisikan dengan menggunakan satu model mudah kadar diskaun dua jangkawaktu.

- (b) Mengapa perancang harus mendiskaunkan kos dan faedah masa depan?

...2/-

[c] Jelaskan maksud kadar keutamaan masa sosial. Apa dia sumber-sumber keutamaan masa perseorangan (personal)

[100 markah]

4. Satu masalah dalam penilaian sosial projek-projek pembangunan di negara-negara membangun berpunca dari masalah penyimpangan harga pasaran (pasaran produk) daripada kos sut (pasaran faktor). Bincangkan sebab-sebab utama terjadinya penyimpangan-penyimpangan tersebut.

[100 markah]

5. Tulis nota-nota ringkas tentang konsep-konsep berikut:

[a] Risiko dan ketidaktentuan

[b] PERT dan CPM (Teknik Penyemakan & Penilaian Projek dan Kaedah Laluan Genting)

[c] Harga bayangan dan ketidaksempurnaan pasaran

[100 markah]

6. "Satu sistem perhubungan manusia yang memuaskan adalah penting bagi kejayaan pelaksanaan sesbuah projek. Untuk mencapai perhubungan manusia yang memuaskan dalam sesuatu environmen projek, pengurus projek mesti mengendalikan masalah dan cabaran yang berkait dengan kuasa, orientasi, motivasi dan kumpulan berfungsian". Bincang pernyataan tersebut.

[100 markah]

- oo oo oo -